

13 APR 1998

Samy-Hindu

PENGANUT HINDU DISERU CARI JALAN BARU DAN PERBAHARUI AZAM

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dalam perutusan tahun baru kepada semua penganut Hindu di negara ini menyeru supaya mereka terus berkorban untuk negara pulih sepenuhnya dalam tempoh yang paling singkat.

Beliau sekali lagi merayu kepada mereka supaya terus menyokong kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam mengatasi kegawatan yang dihadapi oleh negara.

"Dengan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sehingga ini, kita yakin ekonomi kita akan pulih kembali lebih kukuh daripada sebelum ini," kata beliau dalam perutusan tahun baru masyarakat Tamil.

Penduduk Tamil di seluruh dunia akan menyambut tahun baru mereka esok. Lebih kurang 80 peratus daripada 1.5 juta penduduk masyarakat India di negara ini adalah penganut agama Hindu. Mereka dijangka berkunjung ke kuil-kuil di seluruh negara untuk berdoa bagi tahun baru yang lebih bermakna.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya juga menyeru masyarakat India supaya menjaga perpaduan di kalangan pelbagai masyarakat di negara ini.

"Perpaduan kita penting bagi proses pemulihan ekonomi kita," katanya.

Samy Vellu berkata sementara negara pulih daripada kegawatan, ibu bapa perlu memastikan anak-anak mereka meneruskan pengajian atau mengambil kursus tambahan untuk mengisi kekosongan apabila keadaan ekonomi bertambah baik.

"Resolusi tahun baru kita ialah kita berusaha, memberi komitmen dan menyediakan wang untuk memastikan masa depan yang cerah bagi anak-anak kita," kata beliau.

Dalam hal ini, Kooperasi Didik Berhad (Koop Didik) milik MIC akan memastikan ibu bapa menabung bagi kos pendidikan anak-anak mereka, kata Samy Vellu dengan harapan lebih RM100 juta dapat dikumpulkan.

Beliau berkata, sehingga ini MIC Johor telah menjanjikan RM1 juta bagi tabung itu dan dijangka MIC negeri-negeri lain boleh menyumbangkan antara RM1 juta dan RM2 juta.

"Niat kita ialah menggalakkan 800,000 orang India yang bekerja untuk menabung bagi masa depan anak-anak mereka dan juga dengan itu kita tidak perlu merayu kepada mana-mana pihak lain untuk bantuan," katanya. --

BERNAMA

ES PR